

## SURAH FAJAR



Surah: 89 Juzuk: 30 Bil. Ayat: 30

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah,  
lagi Maha Mengasihani.

1. Demi waktu fajar.
2. Demi malam yang sepuluh.<sup>(1)</sup>
3. Demi yang genap dan yang ganjil.
4. Demi malam apabila berlalu.
5. Adakah pada yang demikian itu terdapat sumpah (yang boleh diterima) bagi orang yang berakal?
6. Tidakkah engkau perhatikan bagaimana Tuhanmu bertindak terhadap kaum ‘Aad?
7. Iaitu penduduk «Iram»<sup>(2)</sup> yang mempunyai bangunan-bangunan yang tinggi.
8. Yang belum pernah dibangunkan (suatu kota) seperti itu di negeri-negeri lain.
9. Dan (terhadap) kaum Thamud yang memahat batu-batu besar di lembah.<sup>(3)</sup>

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَالنَّجْرِ

وَلَيَالٍ عَشْرِ

وَالشَّفَعِ وَالوَتْرِ

وَالْأَنْتَلِإِذَا يَسِرِ

هَلْ فِي ذَلِكَ قَسْمٌ لِّذِي حِجَرٍ

أَلَّا تَرَكِيفَ فَعَلَ رَبُّكَ بِعَادٍ

إِرَمَ دَاتِ الْعَمَادِ

أُلَّا تَرَى كَوْثَافَ مِثْلُهَا فِي الْبَلَدِ

وَتَمُودُ الَّذِينَ جَاءُوا الصَّحْرَ بِالْوَلَادِ

1 Malam yang sepuluh itu ialah malam sepuluh terakhir daripada bulan Ramadan. Ada pula yang mengatakan sepuluh yang pertama daripada bulan Muharam, termasuk di dalamnya hari Asyura. Dan ada pula yang mengatakan sepuluh malam pertama pada bulan Zulhijjah.

2 Iram ialah ibu kota kaum ‘Aad.

3 Lembah ini terletak di bahagian utara Semenanjung Tanah Arab antara kota Madinah dan Syam. Mereka memahat batu gunung untuk membina gedung-gedung tempat =

10. Dan (terhadap) Firaun yang mempunyai bangunan yang besar. وَقَرْعَوْنَ ذِي الْأَوْتَادِ ﴿١٠﴾
11. Mereka yang telah bermaharajalela di negeri (masing-masing). الَّذِينَ طَعَوْنَ فِي الْأَلْلَادِ ﴿١١﴾
12. Lalu mereka banyak melakukan kerossakan di negeri itu. فَأَكَّثَرُوا فِيهَا الْفَسَادَ ﴿١٢﴾
13. Kerana itu Tuhanmu menimpakan cemeti azab ke atas mereka. فَصَبَّ عَلَيْهِمْ رَبُّكَ سَوْطَ عَذَابٍ ﴿١٣﴾
14. Sesungguhnya Tuhanmu benar-benar mengawasi. إِنَّ رَبَّكَ لِيَالْمُرْصَدٌ ﴿١٤﴾
15. Maka adapun manusia apabila Tuhan mengujinya, lalu memuliakannya dan memberinya kesenangan, maka dia berkata (dengan sompong): «Tuhanku telah memuliakanku». فَأَمَّا إِلَّا إِنَّمَا أَبْشِلَهُ رَبُّهُ فَأَكَّثَرَهُ رَحْمَةً وَنَعْمَةً فَيَقُولُ رَبِّي أَكْرَمَنِي ﴿١٥﴾
16. Namun apabila Tuhan mengujinya dengan menyempitkan rezekinya, maka dia berkata: «Tuhanku telah menghinaku». <sup>(1)</sup> وَأَمَّا إِذَا مَا أَبْشِلَهُ فَقَدَرَ عَلَيْهِ رِزْقٌ فَيَقُولُ رَبِّي أَهَنَنِي ﴿١٦﴾
17. Jangan sekali-kali! Bahkan kamu tidak memuliakan anak yatim. كَلَّا لَكُمْ مَنْ يَتِيمٌ ﴿١٧﴾
18. Dan kamu tidak menggalakkan untuk memberi makanan kepada orang miskin. وَلَا تَحْضُرُونَ عَلَى طَعَامِ الْمُسْكِينِ ﴿١٨﴾
19. Dan kamu memakan harta pusaka secara rakus (dengan tidak membezakan halal haramnya). وَتَأْكُلُونَ الْتُّرَاثَ أَكَّلَ لَمَّا ﴿١٩﴾

=tinggal mereka dan ada pula melubangkan gunung-ganang untuk tempat tinggal dan tempat berlindung.

1 Allah menyalahkan orang yang mengatakan bahawa kekayaan itu adalah suatu kemuliaan dan kemiskinan adalah suatu kehinaan seperti yang tersebut pada ayat 15 dan 16. Sebenarnya kekayaan dan kemiskinan itu adalah ujian Allah bagi hamba-hambaNya.

- 20.** Dan kamu menyayangi harta secara berlebihan.
  - 21.** Jangan sekali-kali! Apabila bumi digoncangkan berturut-turut dan diratakan serata-ratanya.
  - 22.** Dan datanglah Tuhanmu dan malaikat berbaris (bersiap sedia menjalankan perintah).
  - 23.** Dan pada hari itu diperlihatkan neraka Jahannam. (Maka) pada hari itu manusia akan sedar tetapi kesedaran itu tidak berguna lagi baginya.
  - 24.** Dia berkata: «Alangkah baiknya jika dahulu aku melakukan (kebaikan) untuk hidupku ini».
  - 25.** Maka pada hari itu tiada sesiapa pun yang dapat mengazab seperti azabNya.<sup>(1)</sup>
  - 26.** Dan tiada sesiapa pun yang dapat mengikat serta membelenggu seperti ikatanNya.
  - 27.** Wahai jiwa yang tenang!
  - 28.** «Kembalilah kepada Tuhanmu dengan hati yang reda lagi diredayaNya».
  - 29.** Maka masuklah ke dalam golongan hamba-hambaKu.
  - 30.** Dan masuklah ke dalam syurgaKu.

وَتُحِبُّونَ الْمَالَ حُبَّاً جَمِّـاً

كَلَّا إِذَا دُكَّتِ الْأَرْضُ دَكَّادَكًا

وَجَاءَ رِبُّكَ وَالْمَلَكُ صَفَّاً صَفَّاً

وَجَاءَ يَوْمَيْنِ بِهِ نَمَاءً يَوْمَيْنِ يَتَذَكَّرُ  
الْأَنْسُونُ وَلَا يَرَى لَهُ الْذِكْرَ  
٢٣

يَقُولُ يَلِيهِتَنِي قَدْمَتْ لِحَيَاٰتِي

٤٥ فَيَوْمَ يُذْلَلُ أَعْذَبُ عَذَابَهُ، وَأَحَدٌ

وَلَا يُؤْتِقُ وَثَاقَهُ أَحَدٌ<sup>٦٦</sup>

**أَرْجِعُ إِلَيْ رَبِّكَ رَاضِيَةً مَرْضِيَةً**  
**۲۸**

فَادْخُلِي فِي عِبَادِي

وَادْخُلِي جَنَّتِي

<sup>1</sup> Kedahsyatan azab Allah Subhanahu wa Ta'ala sesuai dengan keadilanNya.